

16 OCT 1996

Lim-Taiwan

PERSATUAN INDUSTRI TAIWAN JANJI KENAL PASTI SYARIKAT TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Persatuan Industri-industri Taiwan di Malaysia berjanji untuk mengenal pasti syarikat Taiwan yang menutup kilang mereka tanpa menjelaskan bayaran pampasan sarta faedah statuari lain kepada pekerja mereka.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata, persatuan itu juga berhasrat memujuk syarikat yang terlibat supaya membayar segala wang pampasan kepada para pekerja.

"Mereka (persatuan) telah menyediakan kita senarai dan maklumat mengenai syarikat yang terlibat dan berjanji untuk membantu kerajaan menyelesaikan masalah ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat mingguan kabinet di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pertemuannya dengan wakil persatuan itu baru-baru ini yang antara lain bertujuan menyelesaikan tuntutan pekerja yang terbabit.

Mengenai permintaan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk menyenaraihitamkan pelabur Taiwan yang terbabit, beliau berkata, "bukan semua syarikat Taiwan yang tidak baik...kalau dia tidak maju, mereka berhak menutup syarikat mereka."

Bagaimanapun, ini tidak bermakna syarikat-syarikat itu dapat mengelakkan diri daripada membayar segala bayaran pampasan kepada para pekerja, katanya.

Ahad lepas, MTUC mendesak kerajaan untuk menyenaraihitamkan pelabur Taiwan yang terlibat kerana perbuatan mereka itu tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati undang-undang serta rakyat negara ini.

Sementara itu, Lim berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedia mengadakan pertemuan dengan CUEPACS bagi membincangkan soal peranan kesatuan sekerja dalam menjayakan konsep Persyarikatan Malaysia serta tiga tuntutanannya.

"Saya telah berjumpa dengan Dr Mahathir hari ini dan beliau telah menyatakan persetujuan beliau untuk mengadakan pertemuan itu," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memberi tarikh pertemuan itu kerana semuanya bergantung kepada Perdana Menteri.

Baru-baru ini, CUEPACS meminta Lim mengatur pertemuan dengan Perdana Menteri bagi mendapatkan nasihatnya mengenai soal Persyarikatan Malaysia serta tiga tuntutan lain yang ingin mereka kemukakan. -- BERNAMA

WE PR